

## Handheld Melancarkan NAUTIZ X8 – PDA Lapangan Ultra Lasak Baharu dengan Kebolehlihatan Matahari dan Saiz Skrin Unggul

LIDKÖPING, Sweden, 17 September 2014/PRNewswire/ -- [Handheld Group](#), pengeluar utama untuk komputer mudah alih lasak, hari ini telah mengumumkan pelancaran PDA lasak serba baharu [NAUTIZ X8](#). NAUTIZ X8 ialah komputer bimbit dengan kuasa pemprosesan, prestasi skrin dan juga hayat bateri yang unggul. Ia dibina untuk keadaan lapangan mencabar terutamanya dalam Sistem Maklumat Geografi, ukur tanah, keselamatan awam, perhutanan serta ketenteraan.

Bagi melihat Siar Berita Multimedia, sila klik:

<http://www.multivu.com/players/English/72762537-handheld-launches-nautiz-x8>

(Foto: <http://photos.prnewswire.com/prnh/20140917/706245> )

Nautiz X8 dibina bagi membolehkan pengumpulan data cekap dan andal dalam persekitaran paling mencabar. Ia mempunyai [pemeringkatan perlindungan kemasukan](#) IP67, yang bermakna ia menawarkan perlindungan penuh terhadap habuk dan pasir selain boleh tahan direndam dalam air. Ia juga memenuhi [piawai ujian ketenteraan MIL-STD-810G](#) untuk ketahanan keseluruhan dan kerintangan terhadap kelembapan, hentakan, gegaran, jatuh, garam serta suhu melampau.

Komputer bimbit dinamik yang baharu ini mempunyai pemproses dwiteras 4470 1.5 GHz Texas Instruments yang berprestasi tinggi. Ia mempunyai RAM sebanyak 1 GB, Kilat iNAND sebanyak 4 GB serta bateri Li-ion 5200 mAh yang boleh tahan sehingga 12 jam selepas satu kali pengecasan. Komputer ini turut didatangkan dengan pilihan sistem pengendalian - Android 4.2.2 atau Windows Embedded Handheld 6.5.3.

Nautiz X8 mempunyai skrin berbilang sentuhan kapasitif ultra terang yang besar seluas 4.7 inci dengan kaca [Dragontrail](#) Asahi yang diperkuat secara kimia, menawarkan para pengguna kecerahan skrin yang tiada tandingannya serta perlindungan dalam sebarang keadaan lapangan. Unit itu mempunyai rekaan yang ergonomik dan seberat 490 gram (17.3 auns).

Nautiz X8 mempunyai penerima GPS u-blox terkhusus, Bluetooth 2.0 dan fungsi WLAN 802.11b/g/n, serta keterhubungan melalui GSM/UMTS atau penyampaian data telefon CDMA. Kamera 8 megapiksel terbina dalam dengan autofocus dan denyar LED membentarkan para pengguna menangkap data visual dengan pantas dan mudah. Peranti bimbit ini juga mempunyai reka bentuk terbuka dan sistem tukup lanjutan yang membenarkan sambungan perkakasan tambahan seperti sensor, radio dan tambahan lain.

"Nautiz X8 baharu ini ialah komputer bimbit lasak terbaik di dunia, dengan ketahanan, keterhubungan, kuasa pemprosesan serta hayat bateri yang luar biasa – tanpa menjelaskan ciri ergonomik atau reka bentuk," kata Jerker Hellström, Ketua Pegawai Eksekutif Handheld Group. "Skrin sentuh kapasitifnya berada dalam kelasnya yang tersendiri: sangat terang dan sangat besar untuk PDA dan, sudah tentulah, diperkuat secara kimia agar dapat menahan pengendalian yang kasar semasa di lapangan. Pekerja lapangan seluruh dunia tentu akan suka PDA baharu ini dan akan menggunakan sehabis baik."

Pesan untuk Nautiz X8 baharu boleh dibuat serta-merta. Penghantaran pertama akan bermula pada bulan November.

Peranti bimbit lasak Nautiz X8 akan mula-mula dipertunjukkan semasa WEFTEC di New Orleans, diikuti oleh INTERGEO di Berlin.



Pautan berguna

[Spesifikasi produk NAUTIZ X8](#)

[Handheld Group](#)

[Rangkaian produk Handheld](#)

[Apakah maksud lasak?](#)

[Senarai acara](#)

Sebarkan tweet ini:

Handheld melancarkan NAUTIZ X8 serba baharu, PDA ultra lasak dengan kebolehlilahan bawah matahari dan saiz skrin yang unggul <http://www.handheldgroup.com/nautiz-x8>

**Latar belakang Handheld**

Handheld Group ialah pengeluar komputer mudah alih lasak, PDA serta tablet. Handheld serta rakan kongsinya di seluruh dunia memberikan penyelesaian mobiliti lengkap kepada perniagaan dalam industri seperti geomatik, logistik, perhutanan, pengangkutan awam, kemudahan, pembinaan, penyelenggaraan, perlombongan, ketenteraan dan juga keselamatan. Handheld Group dari Sweden mempunyai beberapa pejabat tempatan di Finland, U.K., Belanda, Itali, Jerman, Switzerland, Australia serta AS. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari [www.handheldgroup.com](http://www.handheldgroup.com)

Maklumat Perhubungan Media: Sofia Löfblad, Pengarah Pemasaran, Handheld Group, Sweden: +46-10-54-71-70; Amy Urban, Pengarah Pemasaran, Handheld-US, AS: +1-541-752-0319